

Headline	Rumah penghidap HIV/AIDS	Language	MALAY
Date	17. Mar 2009	Page No	19
Media Title	Kosmo	Article Size	243 cm2
Section	Kosmo 2	Frequency	Daily
Circulation	120000	Color	Full Color
Readership	234000	AdValue	2116.28



Rumah penghidap HIV/AIDS

DITUBUHKAN pada tahun 1997, Positive Living Community (PLC) yang dahulunya dikenali sebagai Welcome Community Home merupakan sebuah rumah yang menyediakan rawatan, penjagaan dan bantuan kepada mereka yang hidup dengan HIV/AIDS.

Selain itu, rumah yang terletak di Batu Arang, Rawang, Selangor itu turut menerima kemasukan para penagih dadah atau pengambil alkohol yang masih hidup dalam dunia sendiri tanpa arah tuju.

Di sana, mereka berpeluang membina kehidupan baru dan berdikari.

Menempatkan seramai 41 orang penghuni, mereka datang secara sukarela untuk mengikuti proses pemulihan dadah atau alkohol yang berlangsung selama enam hingga lapan bulan.

Menurut Koordinator Program PLC, Alex Arokiam, segelintir penghuni dibawa sendiri oleh ahli keluarga selain mereka yang tiada tempat berlindung dan hidup berkeliaran.

"Kini, rumah PLC di bawah naungan Majlis AIDS Malaysia turut mengetengahkan penggunaan rawatan klinikal selepas melakukan program pemulihan daripada pengambilan dadah. Program tersebut termasuklah kelas bahasa Inggeris, pembelajaran pengkomputeran, seni dan kraf, tanaman organik, yoga dan meditasi.

"Mesyuarat mingguan juga meliputi senaman terapeutik bagi menangani ketagihan. Bukan itu sahaja, setiap masa dipenuhi dengan aktiviti seperti terapi kerja seperti tanaman pokok di atas tanah selalu setengah ekar," katanya ketika ditemui di Batu Arang, Selangor, baru-baru ini.

Di samping itu, PLC turut menubuhkan kumpulan Fallen Leaves Theatre Company (FLTC) sejak 2006.

Tujuan utama penubuhan kumpulan tersebut adalah untuk memberitahu masyarakat khususnya golongan muda mengenai pengalaman dan bahaya AIDS/HIV kepada diri sendiri.



SALAH seorang penghuni PLC membantu menyuapkan makanan kepada rakannya yang uzur.